

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
[PASIR GUDANG]**

**TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 60**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah Kerajaan Malaysia telah menghantar pulang semula 60 kontena dengan 3,000 tan metrik sisa sampah plastik ke negara asal sampah-sampah plastik tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Dalam memastikan penyeludupan sisa plastik ini terkawal, langkah-langkah yang telah diambil untuk membendung penyeludupan masuk sisa plastik tercemar adalah seperti berikut:
  - (i) meneruskan operasi penguatkuasaan di pelabuhan-pelabuhan secara bersepadu dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (SWCorp) dan Lembaga Pelabuhan; dan
  - (ii) meneruskan operasi penguatkuasaan di kilang kitar semula plastik termasuk kilang haram secara bersepadu dengan

**NO. SOALAN : 60**

Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (SWCorp), Tenaga Nasional Berhad dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

2. Sehingga kini, sebanyak 239 kontena telah diperiksa oleh JAS dan 7 kontena telah dihantar pulang ke negara asal. (maklumat sehingga 10 Julai 2019)

Sekian, terima kasih.